

Arhan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

2.1 Latar Belakang Sejarah
Perlembagaan
Persekutuan

- 1 Perlembagaan menjadi unsur penting dalam pentadbiran negara kita.
Apakah maksud perlembagaan? (BUKU Teks m.s. 31)
A Kedaulatan
B Kemerdekaan
C Peraturan yang ketat
D Undang-undang tertinggi
- 2 Negara kita mempunyai sistem pemerintahan yang tersendiri sebelum kedatangan kuasa Barat.
Apakah bentuk pemerintahan negara kita sebelum kedatangan British? (BUKU Teks m.s. 31)
A Sistem republik
B Pemerintahan beraja
C Demokrasi berparlimen
D Pemerintahan aristokrasi
- 3 Senarai berikut adalah undang-undang bertulis negeri-negeri Melayu.

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang Kedah
- Undang-Undang 99 Perak

Apakah ciri persamaan undang-undang tersebut?

(BUKU Teks m.s. 31)

- I Raja sebagai pemerintah
- II Rakyat memberikan kesetiaan
- III Pembesar menentukan undang-undang
- IV Hamba tidak terikat dengan undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 4 Apabila merdeka, negara kita mempunyai perlembagaan.
Apakah yang menjadi asas pembentukan perlembagaan negara kita? (BUKU Teks m.s. 31)
A Adat Perpatih
B Hukum Kanun
C Undang-undang Aceh
D Nilai tradisi Kesultanan Melayu
- 5 British telah memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat.
Undang-undang tersebut dikenali sebagai (BUKU Teks m.s. 31)
A Laws Ordinance
B Charter of Justice
C North Borneo Chartered
D The Common Law of England

- 6 Pada bulan Ogos 1956, Perlembagaan Sarawak memberikan kuasa kepada badan membuat undang-undang.
Badan yang dimaksudkan ialah (BUKU Teks m.s. 34)
A Council Negeri
B Majlis Tertinggi
C Peguam Negara
D Majlis Undangan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan pemerintahan di Sabah.

X → Memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang

- Apakah X? (BUKU Teks m.s. 34)
- A Majlis Kerja
 - B Council Negeri
 - C Dewan Tertinggi
 - D Majlis Undangan

- 8 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini.
Perlembagaan tersebut menjadi asas kepada sistem (BUKU Teks m.s. 32)
I Raja Berkuasa Mutlak
II Raja Berperlembagaan
III Demokrasi Berparlimen
IV Demokrasi Berpresiden
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

- 9 Pada tahun 1877, mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf.
Apakah peranan majlis tersebut? (BUKU Teks m.s. 35)
A Melantik sultan
B Menggubal undang-undang
C Mengendalikan urusan pentadbiran
D Menjalin hubungan dengan negara luar

- 10 Jadual berikut berkaitan dengan penggubalan undang-undang pada tahun 1946.

(BUKU TEKS m. 26)

Negeri	Penggubal Undang-undang
Negeri-negeri Selat	Majlis Undangan Negeri
Negeri-negeri Melayu Bersekutu	X

X ialah

- A Majlis Negeri
B Dewan Parlimen
C Majlis Persekutuan
D Dewan Undangan Negeri

- 11 Senarai berikut merupakan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

- Kedah
- Perlis
- Terengganu
- Kelantan
- Johor

Badan manakah yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di negeri-negeri tersebut pada tahun 1946?

(BUKU TEKS m. 26)

- A Majlis Negeri
B Dewan Parlimen
C Majlis Persekutuan
D Dewan Undangan Negeri

- 12 Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka.

Apakah perjanjian yang menjadi titik penting kepada pembentukan sebuah persekutuan di Tanah Melayu?

(BUKU TEKS m. 26)

- A Perjanjian Pangkor 1874
B Perjanjian Persekutuan Malaysia 1963
C Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
D Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- 13 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan tersebut telah digubal oleh

(BUKU TEKS m. 27)

- A Parti Perikatan
B Suruhanjaya Reid
C Parlimen England
D Majlis Raja-Raja Melayu

- 14 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 bermodelkan

(BUKU TEKS m. 27)

- A Westminster
B Charter of Justice
C Hukum Kanun Melaka
D Perlembagaan Madinah

- 15 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 mengandungi beberapa perkara terma rujukan utama.

Antara perkara terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957 termasuklah

(BUKU TEKS m. 27)

- I Rukun Negara
II Satu dewan dalam Parlimen
III Kewarganegaraan yang sama
IV Kerajaan Persekutuan yang kukuh
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

- 16 Perlembagaan mempunyai dua ciri utama, iaitu tradisional dan moden.

Apakah ciri tradisional dalam perkembangan perlembagaan?

(BUKU TEKS m. 28)

- A Agama Islam
B Kewarganegaraan
C Kerajaan Persekutuan
D Sistem Demokrasi Berparlimen

- 17 Apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, jawatan Yang di-Pertuan Agong telah diwujudkan.

Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai mana yang diporutumkan oleh Perlembagaan Persekutuan?

(BUKU TEKS m. 28)

- A Ketua duta
B Ketua kerajaan
C Pemrintah tertinggi
D Penentu dasar kerajaan

- 18 Yang di-Pertuan Agong dilantik secara bergilir-gilir dalam kalangan sembilan orang sultan dan raja di negara kita.

Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?

(BUKU TEKS m. 28)

- I Mengetuai kerajaan
II Menggubal dasar kerajaan
III Mengampun dan menangguhkan hukuman
IV Membuat pelantikan jawatan utama negara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 19 Sistem Demokrasi Berparlimen merupakan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

Apakah yang terkandung dalam sistem tersebut?

(BUKU TEKS m. 29)

- A Konsep raja berkuasa mutlak
B Pilihanraya untuk memilih wakil pemimpin
C Perdana Menteri sebagai ketua umum negara
D Kewarganegaraan berdasarkan prinsip jus soli

- 20 Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, pilihan raya diadakan setiap lima tahun sekali.

Bagaimanakah pilihan raya dapat dilaksanakan dengan bebas dan adil?

(BUKU TEKS m. 29)

- A Penetapan hari pengundian
B Penubuhan pelbagai parti politik
C Pengawasan Majlis raja-Raja Melayu
D Penubuhan Suruhanjaya Pilihan Raya

21 Apakah kepentingan pilihan raya dalam sistem Demokrasi Berparlimen? (BUKU TEKS m.s. 35)

- A Mengukuhkan kedudukan parlimen
- B Memelihara kedaulatan Raja-Raja Melayu
- C Kebebasan rakyat memilih wakil pemimpin
- D Kehendak dan kepentingan rakyat terpelihara

22 Siapakah yang bertanggungjawab memelihara kedudukan rakyat yang berikut setelah kemerdekaan? (BUKU TEKS m.s. 35)

- Kedudukan istimewa orang Melayu
- Kedudukan istimewa bumiputera Sarawak dan Sabah
- Kepentingan sah kaum lain.

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Persekutuan
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Majlis Raja-Raja Melayu

23 Maklumat berikut berkaitan dengan kerakyatan sebelum merdeka.

- Rakyat raja
- Kerakyatan British

Penduduk yang mendapat kerakyatan British adalah mereka yang dilahirkan di negeri (BUKU TEKS m.s. 36)

- I Johor
- II Kedah
- III Melaka
- IV Pulau Pinang
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

27 Perlembagaan Persekutuan 1963 memperlihatkan kewujudan Mahkamah Tinggi Borneo.

Apakah peranan mahkamah tersebut? (BUKU TEKS m.s. 30)

- A Menggubal undang-undang di Sarawak dan Sabah
- B Menguruskan soal kehakiman di Sarawak dan Sabah
- C Mengendalikan soal hukum adat di Sarawak dan Sabah
- D Memelihara kepentingan penduduk di Sarawak dan Sabah

24 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

24 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dipinda dari semasa ke semasa. Mengapakah perlembagaan tersebut dipinda pada tahun 1963? (BUKU TEKS m.s. 30)

- A Permintaan rakyat
- B Tekanan pihak luar
- C Mengikut perubahan ekonomi semasa
- D Menyesuaikan peruntukan negeri baharu

25 Apakah perkara utama yang berlaku dalam pindaan Perlembagaan 1963? (BUKU TEKS m.s. 30)

- I Kedudukan bumiputera
- II Struktur Mahkamah Atasan
- III Jawatan Yang di-Pertua Negeri
- IV Pembentukan kerajaan Borneo
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963, Mahkamah Atasan diwujudkan.

Mahkamah Atasan tersebut dikenali sebagai (BUKU TEKS m.s. 30)

- A Mahkamah Rayuan
- B Mahkamah Syariah
- C Mahkamah Majistret
- D Mahkamah Persekutuan

28 Apabila Malaysia dibentuk, Sarawak diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam menjalankan tugasnya, Yang di-Pertua Negeri Sarawak perlu mengikut nasihat (BUKU TEKS m.s. 31)

- A Kabinet Negeri
- B Majlis Tertinggi
- C Perdana Menteri
- D Yang di-Pertuan Agong

29 Pada 7 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman membawa usul ke Parlimen untuk meminda perlembagaan. Apakah kesan daripada pindaan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 31)

- A Pemansuhan semua perkara yang berkaitan dengan Singapura
- B Pemansuhan semua perkara yang berkaitan dengan Brunei
- C Permulaan jalinan hubungan diplomatik dengan Indonesia
- D Pengekalan Singapura ke dalam Malaysia

30 Pindaan perlembagaan pada 7 Ogos 1965 merupakan satu peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah negara kita. Apakah implikasinya? (BUKU TEKS m.s. 30)

- A Pembentukan Malaysia
- B Penubuhan Persekutuan
- C Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- D Pemansuhan jawatan Yang di-Pertua Negeri